



DASAR

PEMBELAJARAN

SEPANJANG

HAYAT (PSH)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL

+607-4537017 / 7954

<https://ppba.uthm.edu.my>

ppba@uthm.edu.my

DASAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**Diluluskan Oleh SENAT
Pada Mesyuarat SENAT Bil. 1/2024/2025 (kali ke-241)
bertarikh 16 Oktober 2024**

**PROF. MADYA Ir. Dr. SALIZA AZLINA BINTI OSMAN
PROF. MADYA Ts. Dr. MUSLI BIN MOHAMMAD
EN. MOHD AZAM BIN JAINAL
EN. MOHAMAD FIRDAUS BIN ZAINI
PN. NORAIZAH BINTI WAHAB
PN. NURULHIDAYAH BINTI BASARI
PN. NORHAZIRAH BINTI KEMIN**



**PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN DAN APEL
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
2024**

KANDUNGAN

Senarai Kandungan	iii
1.0 Pengenalan	1
2.0 Dasar Pembelajaran Sepanjang Hayat UTHM	3
2.1.1 Pemerkasaan Tadbir Urus Dan Ekosistem PSH	3
2.1.2 Pengintegrasian PSH Bagi Kumpulan Sasaran	4
2.1.3 Penyampaian Dan Kualiti PSH	4
2.1.4 Pembudayaan Dan Kesedaran PSH	4
2.1.5 Penyediaan Akses Kepada Program PSH Dengan Kos Yang Berpatutan	5
3.0 Rujukan	6

DASAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) UTHM

1. Pengenalan

- 1.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) atau juga dikenali sebagai *Lifelong Learning* (LLL) merupakan sebuah agenda global. Justeru, Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan dan mempersiapkan rakyat mereka bagi menghadapi cabaran ke arah pembangunan mampan.
- 1.2 PSH ialah satu proses sokongan yang berterusan bagi membantu individu mengembangkan kemahiran, pengetahuan, dan pemahaman sepanjang hidup mereka. Ini membolehkan mereka menggunakan pengetahuan dan kemahiran tersebut dengan yakin, kreatif, dan penuh keseronokan dalam pelbagai situasi dan peranan.
- 1.3 Definisi ini mengandungi prinsip PSH seperti berikut:
 - 1.3.1 Kepercayaan bahawa setiap individu mempunyai potensi yang dapat digunakan sepanjang hayat mereka, dan mereka boleh mencapainya.
 - 1.3.2 Prinsip ini menggalakkan usaha-usaha memudahkan pembelajaran kemahiran, pengetahuan, dan kecekapan yang diperlukan oleh individu bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan.
 - 1.3.3 Kesedaran bahawa pembelajaran boleh berlaku melalui pelbagai kaedah sama ada formal atau tidak formal (bekerja, berkhidmat dalam tentera, mengambil bahagian dalam aktiviti masyarakat, atau pembelajaran sendiri) di mana-mana sahaja sama ada di sekolah atau universiti.
 - 1.3.4 Keperluan menyediakan sistem sokongan bersepadu dan komprehensif yang bersesuaian mengikut perbezaan individu bagi menggalakkan dan memudahkan mereka mencapai kepakaran dan potensi diri.
- 1.4 Sejarar dengan inisiatif PSH Nasional, UTHM turut komited dalam membangunkan bakat kalis masa hadapan (*future-proof talents*) ke arah masyarakat berpengetahuan tinggi serta ekonomi berasaskan inovasi (SDG 4).
- 1.5 Terdapat tiga (3) kategori PSH di Malaysia iaitu Formal, Bukan Formal (*Non-Formal*) dan Tidak Formal (*Informal*) seperti dalam Rajah 1:

1.5.1 Formal


Pemerolehan pengetahuan atau pembangunan kemahiran yang dilakukan dalam kurikulum berstruktur dan persekitaran pembelajaran formal seperti institusi pendidikan dan latihan yang menghasilkan pengiktirafan formal (kelayakan atau akreditasi) seperti diploma, ijazah dan sijil profesional. Kurikulum, sebaliknya, diiktiraf oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

1.5.2 Bukan Formal

Pemerolehan pengetahuan atau pembangunan kemahiran yang fleksibel dilakukan dalam kurikulum berstruktur melalui aturan pendidikan dan latihan, di luar persekitaran pembelajaran formal seperti persekitaran berasaskan komuniti, tempat kerja dan aktiviti yang dijalankan oleh organisasi masyarakat sivil (CSO), yang mungkin atau mungkin tidak menghasilkan pengiktirafan rasmi.

1.5.3 Tidak Formal

Pemerolehan pengetahuan atau penemuan kemahiran melalui minat dan aktiviti individu, dilakukan dalam kurikulum tidak berstruktur, yang berlaku dalam kehidupan seharian, melalui pembelajaran melalui pengalaman, dan di luar persekitaran pembelajaran formal seperti dalam keluarga, komuniti dan tempat kerja yang mungkin atau mungkin tidak menghasilkan pengiktirafan rasmi.



Rajah 1: Kategori PSH di Malaysia iaitu Formal, Bukan Formal (*Non-Formal*) dan Tidak Formal (*Informal*), merujuk kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

- 1.6 Dasar PSH UTHM digubal untuk menterjemahkan hasrat UTHM melalui Pelan Strategik UTHM 2021 – 2025. Di samping itu, penggubalan dasar ini adalah selari dengan hasrat transformasi pendidikan negara yang telah digarap berdasarkan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Peringkat Nasional dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia [Pendidikan Tinggi] (PPPM [PT]), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional.
- 1.7 Dasar PSH UTHM ini akan menjadi sumber rujukan agar latihan pembelajaran berterusan yang ditawarkan di UTHM relevan dengan tuntutan teknologi dan masyarakat secara global.

2. DASAR PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UTHM

2.1 Dasar PSH UTHM adalah selari dengan Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Peringkat Nasional yang merangkumi komponen-komponen berikut:

- 2.1.1 Pemerkasaan tadbir urus dan ekosistem PSH
- 2.1.2 Pengintegrasian PSH bagi kumpulan sasaran
- 2.1.3 Penyampaian dan kualiti PSH
- 2.1.4 Pembudayaan dan kesedaran PSH
- 2.1.5 Penyediaan akses kepada program PSH dengan kos yang berpatutan

Dasar ini bertujuan untuk membentuk komuniti yang lebih dinamik dengan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan taraf sosioekonomi melalui PSH yang mudah diakses dan fleksibel.

2.1.1 Pemerkasaan Tadbir Urus Dan Ekosistem PSH

- 2.1.1.1 UTHM telah menempatkan pentadbiran PSH di bawah satu pusat tanggungjawab di universiti ini.
- 2.1.1.2 UTHM perlu menetapkan hala tuju serta strategi PSH di peringkat universiti agar dapat mencapai pelbagai sasaran yang ditetapkan selaras dengan pelbagai dasar sedia ada.
- 2.1.1.3 UTHM perlu merancang strategi pengukuhan pembangunan PSH berdasarkan keperluan semasa dan jangka panjang serta mewujudkan mekanisme peningkatan penyertaan lebih aktif dan berkesan dalam program PSH.
- 2.1.1.4 UTHM perlu memantau operasi infrastuktur dan infostruktur PSH bagi memastikan kelancaran operasi secara bersepadu.
- 2.1.1.5 Pusat tanggungjawab (PTJ) dan rakan kerjasama UTHM digalakkan menjalankan program PSH yang boleh menjana pendapatan kepada UTHM.
- 2.1.1.6 Objektif bagi meningkatkan mekanisme dan infrastruktur PSH UTHM adalah seperti berikut:
 - i. Menyelaras, menggubal dan memantau dasar, strategi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta aktiviti lain dalam PSH.
 - ii. Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti dalam peluang PSH dan program PSH dalam talian.
 - iii. Memperkukuh peranan agensi PSH (Kolej Komuniti, Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya) bagi menjalankan kerjasama strategik.

- 2.1.1.7 Polisi dan garis panduan berkaitan perlu diwujudkan bagi memastikan PSH di UTHM dilaksanakan secara berstruktur.

2.1.2 Pengintegrasian PSH Bagi Kumpulan Sasaran

UTHM adalah sebuah institusi penyedia latihan kepada semua lapisan masyarakat, yang memfokus kepada empat kumpulan sasaran iaitu:

- i. Pelajar lepasan menengah yang berhasrat dan berpotensi untuk meningkatkan pencapaian akademik.
- ii. Komuniti setempat yang memerlukan peningkatan pengetahuan atau kemahiran.
- iii. Pekerja mahir yang ingin meningkatkan kemahiran sedia ada atau mempelajari pelbagai kemahiran baru.
- iv. Golongan profesional yang ingin memajukan kerjaya masing-masing.

2.1.3 Penyampaian Dan Kualiti PSH

- 2.1.3.1 Semua program PSH jangka pendek dan jangka panjang-adalah dipantau secara berkala oleh UTHM.
- 2.1.3.2 UTHM perlu memastikan kualiti kurikulum program PSH adalah relevan dan seiring dengan keperluan industri sebelum sebarang program dilaksanakan.
- 2.1.3.3 Semua aktiviti dan keputusan yang berkaitan dengan program PSH perlu dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa yang telah dilantik.
- 2.1.3.4 Pengajaran dan penyampaian program PSH adalah fleksibel dan melibatkan pelbagai mod penyampaian seperti bersemuka, dalam talian, hibrid, penganugerahan Micro-Credential (MC), dan/ atau sebarang mod yang sejajar dengan teknologi terkini.
- 2.1.3.5 UTHM memberi sokongan dan memastikan bahawa penawaran program PSH adalah berkualiti dengan meningkatkan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

2.1.4 Pembudayaan Dan Kesedaran PSH

- 2.1.4.1 Kesedaran terhadap PSH di kalangan kumpulan sasaran harus ditingkatkan melalui kempen dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di UTHM agar bilangan yang terlibat dalam program tersebut dapat ditingkatkan.
- 2.1.4.2 Strategi dan pelan tindakan bagi meningkatkan kesedaran dan penyertaan kumpulan sasaran PSH termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i. Menjenamakan imej PSH
- ii. Meningkatkan kesedaran terhadap PSH
- iii. Meningkatkan kesediaan dan penyertaan dalam PSH

2.1.5 Penyediaan Akses Kepada Program PSH Dengan Kos Yang Berpatutan

- 2.1.5.1 UTHM perlu menyediakan program PSH dengan kos yang berpatutan agar boleh diakses oleh semua kumpulan sasaran.
- 2.1.5.2 UTHM boleh menyediakan sokongan kewangan untuk PSH mengikut keperluan dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa
- 2.1.5.3 UTHM mengiktiraf semua jenis PSH melalui pembelajaran secara Formal, Bukan Formal (*Non-Formal*) dan Tidak Formal (*Informal*).

3. Rujukan

Dasar ini perlu dibaca bersama dasar dan garis panduan berkenaan seperti berikut:

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia [Pendidikan Tinggi] (PPPM [PT])
2. Pelan Strategik UTHM 2021 – 2025
3. MQA Guideline to Good Practices: Micro Credentials
4. Dasar Latihan Staf UTHM
5. Dasar Pembangunan Bakat Berasaskan Kompetensi UTHM
6. Dasar Penjanaan Pendapatan UTHM
7. Garis Panduan Latihan Pembelajaran Berterusan
8. Garis Panduan Pelaksanaan Program Kerjasama Secara Francais UTHM
9. Garis Panduan Pelaksanaan Program Akademik Pembelajaran Berterusan UTHM
10. Garis Panduan Kadar Bayaran Program Kerjasama Akademik Secara Francais
11. Garis Panduan Kadar Bayaran Program Pembelajaran Berterusan
12. Garis Panduan APEL A
13. Garis Panduan APEL C
14. Garis Panduan Pindah Kredit Melalui APEL.C UTHM
15. Panduan Permohonan Penilaian APEL.A (calon)
16. Panduan Permohonan Penilaian APEL.A (staf)
17. Panduan Permohonan APEL.C (calon)
18. Panduan Permohonan APEL.C (staf)
19. Garis Panduan Pindah Kredit UTHM
20. Garis Panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh
21. Garis Panduan Pentauliahan Mikro (Micro-Credentials) UTHM
22. Garis Panduan Pensijilan Profesional dan Kompetensi Pelajar UTHM
23. Kerangka TVET Digital @ UTHM
24. Garis Panduan Pembangunan Kandungan Digital UTHM
25. UTHM Online Assessment
26. Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia
27. Garis Panduan Pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional